

09/07/2005

ABDULLAH-PROTON

ISU PROTON TELAH SELESAI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya isu-isu yang ditimbulkan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkaitan industri automotif dan Proton, dan jawapan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, telah diselesaikan.

"Saya percaya isu itu telah selesai kerana penjelasan telah diberi," katanya ketika ditanya sama ada beliau menyifatkan perkara tersebut telah diselesaikan.

Beliau turut mengesahkan bahawa surat berkenaan telah dihantar dan diterima oleh Dr Mahathir. Beliau adalah juga Penasihat Proton.

"(Bagaimanapun), saya tidak mahu mendedahkan kandungan surat itu (kerana) ia adalah untuk Tun (Dr Mahathir)," ketanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di bengkel mengenai pelaksanaan Islam Hadhari pada peringkat nasional di sini hari ini.

Kabinet yang bermesyuarat pada hari Rabu telah meminta Rafidah untuk menulis surat kepada Dr Mahathir bagi memberi jawapan terhadap isu-isu yang ditimbulkan berkaitan dasar automotif kerajaan.

Salinan surat itu telah diberikan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Antara isu yang ditimbulkan oleh Mahathir ialah penumpuan pemberian Permit Kelulusan (AP) untuk mengimport kereta yang diberikan kepada beberapa buah syarikat sahaja, dasar automotif kerajaan serta kemasukan kereta asing pada harga yang sangat rendah yang telah mengurangkan daya saing kereta nasional berkenaan.

Dr Mahathir telah berkata demikian dalam satu sidang akhbar pada hari Selasa di mana beliau telah mempertahankan kritikan ketua pegawai eksekutif Proton Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff terhadap dasar automotif kerajaan yang dilakukan semasa temubual dengan sebuah akhbar berbahasa Cina, Oriental Daily.

-- BERNAMA

SM LC AHM